



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1993

**PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 5 TAHUN 1993 MENGENAI IMBUHAN TAHUNAN
BAGI PEGAWAI SEKTOR AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda beberapa peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1993 mengenai bayaran imbuhan tahunan kepada pegawai sektor awam.

PINDAAN

2. Kerajaan telah memutuskan supaya beberapa peraturan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1993 dipinda seperti berikut:

2.1. perenggan 5(v) hendaklah dibaca sebagai:

(a) pegawai yang bercuti tanpa gaji atas apa-apa sebab termasuk berkursus:

(i) sekiranya bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 1993 tidak diberi imbuhan tahunan ini;

(ii) sekiranya pegawai bercuti tanpa gaji pada beberapa bulan sahaja atau sebarang tempoh yang dilulus pada mana-mana bulan dalam tahun 1993, imbuhan tahunan ini boleh dibayar secara *proportionate* berasaskan genap satu bulan perkhidmatan. Kaedah pengiraan adalah seperti contoh berikut:

Contoh:

Jika pegawai bercuti tanpa gaji pada bulan Januari sehingga 15 Mac 1993, perkiraan imbuhan tahunan adalah berasaskan kepada sembilan bulan perkhidmatan iaitu $9/24 \times$ gaji pokok atau $9/12 \times$ RM400.00 bagi yang bergaji RM800.00 dan ke bawah.

- (b) pegawai yang bercuti tanpa gaji dalam tahun 1993 daripada 1 Januari 1993 sehingga 1 November 1993 dan melapur diri untuk bertugas semula pada 2 November 1993 atau selepasnya, tidak layak diberi imbuhan tahunan.

2.2. perenggan 5(vi) mengenai cuti berkursus adalah digugurkan. Bagi pegawai yang cuti berkursus bergaji penuh atau separuh gaji adalah layak diberi imbuhan tahunan sebanyak setengah bulan gaji atau tidak kurang daripada RM400.00. Bagi pegawai yang cuti berkursus tanpa gaji adalah tertakluk kepada peraturan di perenggan 2.1 di atas.

3. Kerajaan juga telah memutuskan supaya imbuhan tahunan diberi secara *proportionate* semasa pegawai bertugas di agensi kerajaan sebelum keadaan-keadaan berikut:

- (a) pegawai di dalam mana-mana agensi Kerajaan yang telah diswastakan dalam tahun 1993;
- (b) pegawai di dalam Badan-badan Berkanun yang dipinjamkan untuk berkhidmat di anak syarikat (badan swasta) kepada Badan Berkanun tersebut; dan
- (c) pegawai yang dipinjamkan kepada badan antarabangsa seperti APDC, UNESCO dan lain-lain.

4. Pegawai yang bersara atau meninggal dunia pada 1 Januari 1993 tidak layak diberi imbuhan tahunan.

5. Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji sebelum bersara atau meninggal dunia:

(a) sepanjang tempoh sehingga tarikh persaraan atau meninggal dunia dalam tahun 1993 tidak layak diberi imbuhan tahunan;

(b) beberapa bulan sahaja atau sebarang tempoh yang diluluskan layak diberi imbuhan tahunan secara *proportionate* berasaskan genap bulan perkhidmatan.


6. Pegawai yang bersara dalam tahun 1993 dan dilantik semula sebagai pegawai sementara atau pegawai kontrak dalam tahun yang sama hendaklah dibayar imbuhan tahunan berasaskan kepada gaji pokok terakhir yang diterima olehnya sebelum bersara jika bersara sebelum 1 November 1993.

7. Peraturan-peraturan lain yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1993 adalah dikekalkan.

Pemakaian

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(~~TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB~~)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

6th Disember 1993.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.

AM15/fmb2

